

20 MARCH 1998

Mahathir-saham

DR MAHATHIR JELASKAN DASAR PENJUALAN SAHAM KEPADA RAKYAT ASING

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan kerajaan Malaysia membenarkan syarikat Bumiputera menjual saham mereka kepada bukan Bumiputera dan rakyat asing ialah untuk mengelak syarikat-syarikat yang diuruskan dengan baik daripada gulung tukar kesan daripada krisis ekonomi di Asia Tenggara.

Perubahan pada dasar itu serupa dengan yang dilaksanakan pada 1985 apabila Malaysia mengalami kelembapan ekonomi, kata Perdana Menteri dalam sesi soal jawab selepas beliau berucap mengenai cabaran dan prospek Asia Tenggara selepas krisis ekonomi, pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di sini semalam.

Pada masa itu, kerajaan membenarkan syarikat asing memiliki kepentingan 100 peratus dalam operasi pembuatan mereka di Malaysia jika mereka mengeksport semua produk mereka dan memenuhi syarat berhubung pengambilan pekerja tempatan.

Dr Mahathir berkata tidak bermakna syarikat Bumiputera tidak diuruskan dengan baik tetapi mana-mana syarikat pun akan menghadapi kesulitan jika terjejas akibat kegawatan ekonomi serantau.

Dengan membenarkan syarikat-syarikat Bumiputera menjual sebahagian daripada saham mereka kepada bukan Bumiputera dan rakyat asing, ia akan mengelak mereka daripada menjadi muflis, katanya.

Sambil membayangkan bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan dasar mengenai Bumiputera, Perdana Menteri berkata pengagihan secara adil kekayaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera perlu dikekalkan untuk menjamin keharmonian dalam negara.

Beliau berkata hakikat bahawa rakyat Malaysia bersatu dalam menghadapi krisis ekonomi sekarang, merupakan satu bukti mengenai keharmonian yang wujud antara pelbagai kaum.

Dr Mahathir berkata masyarakat bukan Bumiputera telah mampu mencapai kemajuan dan ini menunjukkan bahawa dasar berhubung Bumiputera bukan satu halangan bagi mereka.

Menerusi dasar Bumiputera itu, pengagihan yang saksama berdasarkan komposisi kaum telah dilaksanakan dengan jayanya, kata beliau.

Merujuk kepada apa yang disebut sebagai kesan berjangkit akibat daripada krisis mata wang serantau, Dr Mahathir berkata agak menghairankan kerana Malaysia, sebagai sebuah negara yang asas ekonomi kukuh, dilonggokkan bersama negara-negara yang berdepan dengan masalah.

Tanggapan salah ini yang telah mengakibatkan pelabur hilang keyakinan, juga menyebabkan Malaysia kerugian kira-kira US\$200 bilion dalam masa beberapa bulan saja.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata jalan ke arah pemulihan agak panjang dan perit.

Katanya spekulator mata wang telah mengambil kesempatan daripada kedudukan mata wang serantau yang turun naik.

Beliau berkata jika mata wang itu stabil, mereka tidak dapat mengambil keuntungan.

Oleh kerana berlaku ketidaktentuan itu, spekulator menggunakan kesan berjangkit itu sebagai alasan untuk kepentingan mereka.

"Jika mata wang itu stabil, dia tidak dapat untung walau satu sen pun," kata Dr Mahathir.

Beliau sekali lagi menyarankan agar pertimbangan diberi kepada perlunya urus niaga mata wang dikawal selia, supaya ia lebih telus.

Ketika ditanya bilakah krisis ekonomi itu akan berakhir, Dr Mahathir tidak memberi jawapan secara terus tetapi berkata selagi spekulator mata wang boleh mengurus niaga tanpa ketelusan, terdapat potensi untuk masalah.

Merujuk kepada proses penggabungan syarikat kewangan tempatan, beliau berkata ianya akan selesai menjelang akhir bulan ini manakala untuk bank pula, ia mengambil masa sedikit. -- BERNAMA

SHY MAI